



# **Laporan Pemerhatian Pilihan Raya Kecil DUN N49 Sungai Kandis**

**18 Ogos 2018**

# Laporan Pemerhatian Pilihan Raya Kecil DUN N49 Sungai Kandis

## 1. LATAR BELAKANG

Pilihan Raya Kecil DUN N49 Sungai Kandis (PRK Sungai Kandis) telah dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) berikutan kematian ahli DUN tersebut, YB Mat Suhaimi Shafiei. Di dalam satu sidang media pada yang diadakan pada 7 Julai 2018, SPR mengumumkan hari penamaan untuk PRK Sungai Kandis pada 21 Julai 2018 dan hari pengundian pada 4 Ogos 2018.

SPR telah menjemput BERSIH 2.0 untuk menjalankan pemerhatian PRK Sungai Kandis. Ini merupakan kali pertama BERSIH 2.0 diiktiraf oleh SPR sebagai badan bukan kerajaan untuk menjalankan pemerhatian pilihan raya.

BERSIH 2.0 menerima baik jemputan SPR dan telah menghantarkan sebanyak 38 pemerhati untuk memantau perjalanan PRK Sungai Kandis dari 21 Julai ke 4 Ogos 2018. 38 pemerhati BERSIH 2.0 terdiri daripada ahli jawatankuasa pemandu dan sekretariat BERSIH 2.0 serta sukarelawan.

Skop pemerhatian PRK Sungai Kandis adalah seperti berikut:

- 1) Proses penamaan calon
- 2) Kempen pilihan raya
- 3) Proses pengeluaran kertas undi pos
- 4) Proses semakan isi peti undi
- 5) Proses pengundian dan pengiraan undi
- 6) Proses pembukaan sampul undi pos dan pengiraan undi pos
- 7) Proses penjumlahan undi

Pemerhatian BERSIH 2.0 memberi fokus kepada masalah-masalah yang bertentangan dengan prinsip-prinsip pilihanraya yang bersih dan adil dan kesalahan-kesalahan pilihan raya yang berlaku sepanjang pilihan raya.

## 2. PROSES PENAMAAAN CALON

Dewan Tanjung MBSA kurang sesuai untuk dijadikan sebagai pusat penamaan calon kerana lokasinya berhampiran dengan Hospital Pakar SALAM. Kehadiran penyokong parti yang ramai telah menyekat jalan ambulans ke hospital tersebut.

Kawalan keselamatan di luar pusat penamaan calon kurang memuaskan sehingga penyokong Barisan Nasional yang berhimpun di luar dapat berarak ke hadapan pintu pusat penamaan calon dan mencetus keadaan yang tegang dengan para penyokong Parti Keadilan Rakyat. Pagar penghalang harus diletakkan dari awal untuk menghadkan tempat berkumpul penyokong parti. Kredit kepada pegawai-pegawai SPR, pasukan penguatkuasa PBT dan polis yang bertindak cepat dengan menolak balik penyokong-penyokong BN dari pintu depan pusat penamaan dan mengosongkan ruang pintu depan pusat penamaan dengan pagar penghalang. Ini telah menenangkan keadaan penyokong-penyokong Pakatan Harapan.

Di dalam dewan pusat penamaan, jarak di antara tempat duduk untuk pemerhati-pemerhati dengan meja urusan penamaan calon adalah sangat jauh.

Selain daripada itu, secara keseluruhannya, proses penamaan calon dijalankan dengan lancar.

**Cadangan Penambahbaikan:**

- Kami mencadangkan kepada pihak SPR untuk mendekatkan jarak tersebut supaya pemerhati dapat menjalankan pemerhatian dengan lebih jelas dan sempurna, termasuk dalam jarak yang boleh mendengari percakapan di antara calon dan pegawai-pegawai SPR.

### 3. KEMPEN PILIHAN RAYA

Pemerhati-pemerhati BERSIH 2.0 telah merakamkan sebanyak 13 kes yang berkenaan dengan insiden salah laku atau kesalahan pilihan raya sepanjang kempen pilihan raya.

Insiden/Kesalahan pilihan raya	Bilangan laporan yang diterima
Penjamuan makanan dan pemberian hadiah atau barangan	4
Penggunaan aset dan program kerajaan	5
Politik perkauman dan keagamaan	4
<b>Jumlah</b>	<b>13</b>

#### 3.1 Penjamuan makanan dan pemberian hadiah atau barangan

Penjamuan dalam kempen pilihan raya ialah satu kesalahan di bawah Seksyen 8 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. Pengaruh tidak wajar seperti memberi hadiah atau barangan percuma untuk mendapat undi juga merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 9 Akta

Kesalahan Pilihan Raya 1954. BERSIH 2.0 telah mencatat 4 kes yang melibatkan penjamuan dan pemberian hadiah seperti berikut:

- Dalam Karnival Anak Muda Andalas, sebuah program kempen calon PKR Zawawi Mughni, pengundi Sungai Kandis dapat tukar minyak hitam motor dan pemeriksaan kereta secara percuma (28 Julai 2018)



- Pemeriksaan kesihatan percuma dan bekalan ubatan percuma diberi di program pemeriksaan kesihatan percuma anjuran Hospital Pakar Al Islam dan Biro Kesihatan ABIM yang merupakan sebahagian daripada kempen calon PKR Zawawi Mughni (29 Julai 2018)





- UMNO Negeri Pahang menganjurkan majlis kenduri rakyat untuk kempen calon BN Lokman Noor Adam (31 Julai 2018)



- Dalam Ceramah Pentas Bicara Rakyat anjuran Barisan Nasional, makanan percuma seperti rojak, bakso, teh tarik, teh-o dan mi goreng disediakan untuk orang awam yang hadir (1 Ogos 2018)



### **3.2 Penggunaan aset dan program kerajaan**

Aset dan program kerajaan sepatutnya tidak digunakan untuk mendapatkan kepentingan politik dalam pilihan raya untuk menjamin padang permainan yang saksama antara calon-calon. 5 kes berkenaan dengan penggunaan aset kerajaan untuk aktiviti kempen telah dirakam sepanjang tempoh berkempen.

- Calon PKR Zawawi Mughni memberi ucapan penutup dalam Program Insan yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan, Kerajaan Selangor di Aliya Hotel, Klang (22 Julai 2018)



- Menteri Besar Selangor, Timbalan Speaker Selangor, Menteri Air, Tanah & Sumber Asli dan seorang exco Selangor menghadiri pelancaran bilik gerakan PRK Sungai Kandis PKR dengan menaiki kenderaan rasmi kerajaan (22 Julai 2018)
- Calon PKR Zawawi Mughni berkempen di Kejohanan Seni Bela Diri Taekwondo Sekolah-sekolah KPM peringkat negeri Selangor anjuran Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Selangor (28 Julai 2018)





- Calon PKR Zawawi Mughni dan jenteranya hadir ke Program Fun Run di SK Jalan Kebun sebagai aktiviti berkempen dengan berbaju t-shirt PKR (28 Julai 2018)



- Calon PKR Zawawi Mughni hadir semasa lawatan kerja Menteri Kerja Raya Baru Bian ke Jalan Bukit Kemuning sebagai aktiviti kempen pilihan raya beliau (1 Ogos 2018)



### **3.3 Politik perkauman dan keagamaan**

Sepanjang tempoh berkempen, sesetengah pemimpin politik didapati mengeluarkan kenyataan yang berusur perkauman yang mewujudkan perasaan tidak puas hati atau permusuhan antara kaum dan agama. Hal ini melanggar Seksyen 4A(1) Akta Kesalahan Pilihan Raya. Sebanyak 4 kes telah dirakam dalam kategori ini:

- Dalam sebuah kenyataan, Setiausaha Agung PAS Takiyuddin Hassan menyeru ahli PAS di kawasan DUN Sungai Kandis supaya membuat pilihan berdasarkan pertimbangan wajar demi kepentingan Islam dan Melayu (22 Julai 2018)

- Dalam satu ceramah kelompok oleh Barisan Nasional di Dewan UMNO Taman Bukit Seri Andalas, kenyataan berbaur kebencian kaum telah dibuat oleh sekurang-kurangnya dua orang penceramah iaitu Shukri Samsudin dan Khairul Muzammil (25 Julai 2018). Antara kenyataan yang dibuat dalam ceramah adalah:
  - i. “DAP memang ditubuhkan atas semangat tidak puas hati kepada ketuanan Melayu. Dia memang ditubuhkan atas ideologi untuk menghilangkan nama bumiputera, Pribumi dan Melayu dan sebagainya dan dia tidak setuju dengan Islam sebagai agama rasmi kepada Persekutuan Tanah Melayu.”
  - ii. “Hakim Negara, Peguam Negara, Menteri Undang-Undang, Menteri Kewangan semua bagi pada orang yang bukan Islam. Apa gila ini? Kita orang Melayu duduk tengok sahaja. Kita orang Islam lepung sahaja tengok keadaan macam ini. Kita pandang sahaja seolah-olah orang Melayu ini tak hidup langsung, seolah-olah tak ada.”
  - iii. “Pejuang Kristian dalam Pakatan Harapan masa itu Pakatan Rakyat. Mereka teruskan perjuangan mereka untuk pastikan bahawa Kristianisasi ini terus berjalan.”
  - iv. “Maria Chin adalah pejuang LGBT, yang memperjuangkan murtad Lina Joy.”
- Calon Barisan Nasional Lokman Noor Adam dalam kempennya di sebuah tempat di Sungai Kandis membuat ucapan yang memberi persepsi bahawa Pakatan Harapan tidak menjaga kepentingan Melayu Islam (1 Ogos 2018)
- Dalam satu ceramah Barisan Nasional, ahli parlimen Pasir Salak Tajuddin Abdul Rahman mendakwa bahawa orang Kristian telah mengambil alih Putrajaya dan akan menggunakan platform politik untuk mengembang dan menyebarkan agama Kristian (3 Ogos 2018)

**Cadangan Penambahbaikan:**

- Pihak SPR perlu memantau aktiviti-aktiviti kempen calon-calon secara pro-aktif untuk memastikan kempen mereka dijalankan tanpa melanggar undang-undang pilihan raya.
- Pasukan Penguatkuasa perlu ditambah dan kerja-kerja pemantauan tidak patut terhad kepada bahan-bahan kempen sahaja tetapi juga aktiviti-aktiviti penjamuan, pemberian hadiah percuma, ceramah dan lain-lain. Nombor aduan untuk pasukan penguatkuasa perlu diumumkan kepada orang awam untuk buat aduan dan ambil tindakan segera.

#### **4. PENGELUARAN KERTAS UNDI POS**

Proses pengeluaran undi pos dijalankan dengan lancar.



## 5. SEMAKAN ISI PETI UNDI

Bilangan barangan dalam peti undi tidak ditulis dalam senarai periksa yang diberi kepada Ketua Tempat Mengundi (KTM) tetapi diumumkan satu per satu melalui mikrofon. Hal ini menyebabkan keadaan kelim-kabut dalam kalangan KTM ketika menyemak isi peti undi mereka.

### Cadangan Penambahbaikan:

- Kami mencadangkan supaya senarai periksa yang lengkap dengan bilangan barang diberikan kepada para KTM untuk mengelakkan kekeliruan.

## 6. PROSES PENGUNDIAN DAN PENGIRAAN UNDI

BERSIH 2.0 telah menghantar sekurang-kurangnya seorang pemerhati ke setiap pusat mengundi untuk menjalankan pemerhatian. Beberapa masalah telah diperhatikan pada hari mengundi:

### 6.1 Berkempen pada hari mengundi

BERSIH 2.0 mendapati 7 kes "pondok panas" Barisan Nasional dan Parti Keadilan Rakyat di luar pusat mengundi iaitu SM (Psdn) Chung Hwa, SRA Kampung Jawa, SK Kampung Johan Setia, SRA Sungai Kandis, ADTEC, Dewan Serbaguna Klang Jaya dan SMK Taman Sri Andalas.

Calon Barisan Nasional Lokman Noor Adam dan calon bebas K. Murthy juga didapati berkempen di dalam sesetengah pusat mengundi.

Mantan perdana menteri, Najib Razak merayu undi bagi calon Barisan Nasional Lokman Noor Adam di laman Facebook beliau pada pagi hari mengundi. Beliau menyatakan secara eksplisit dalam status Facebook bahawa "Berilah peluang untuk BN menjadi suara pembangkang yang lebih kuat dan berilah sokongan kepada calon BN Lokman Adam untuk mempertahankan kepentingan rakyat di Sungai Kandis dan Selangor".

### 6.2 Bahan berkempen di kawasan 50 meter luar pusat mengundi

Bahan berkempen seperti *banner* dan bendera parti didapati di kawasan 50 meter luar pusat mengundi di 3 pusat mengundi iaitu SM (Psdn) Chung Hwa, Kolej Islam Sultan Alam Shah dan Dewan Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC). Bahan kempen tersebut dipercayai telah digantung sebelum hari mengundi. Hal ini melanggar Seksyen 24B(7) Akta Kesalahan Pilihan Raya.

### 6.3 Isu kerahsiaan undi

Di sesetengah tempat mengundi, petak memangkah undi terlalu dekat dengan pintu masuk dan pilihan pengundi ketika memangkah boleh dilihat dari luar pintu.

Terdapat ejen tempat mengundi yang mencatat nombor siri pengundi atau kertas undi dalam tempat mengundi. Hal ini melibatkan pelanggaran Seksyen 5(3) Akta Kesalahan Pilihan Raya.

#### **6.4 Isu anggota polis**

Ramai polis pengiring KTM yang bertugas di luar tempat mengundi didapati mencatat bilangan pengundi yang hadir mengundi. Hal ini mungkin menimbulkan keraguan pengundi dan menjejaskan keyakinan mereka tentang kerahsiaan undi. Tugas polis pengiring sepatutnya hanya menjaga keselamatan dan bukannya mendapatkan maklumat di tempat mengundi.

Bilangan anggota polis yang bertugas juga terlalu ramai. Contohnya di SRA (KAFA Integrasi) Kampung Pandan yang hanya ada 3 saluran, tetapi terdapat sekurang-kurangnya 12 anggota polis yang bertugas dan membawa senapang. Hal ini mungkin menjadi intimidasi kepada para pengundi.

#### **6.5 Kesilapan lain petugas-petugas pilihan raya**

KTM saluran 2 SJKT Simpang Lima membenarkan dua ejen tempat mengundi masuk ke dalam tempat mengundi pada masa yang sama. Hal ini melibatkan pelanggaran Seksyen 15(4) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981.

Kerani pengundian 2 di saluran 4 Dewan Serbaguna Klang Jaya mencelup jari pengundi sebelum kerani pengundian 1 membaca nama pengundi. Kesilapan proses ini menyebabkan seorang warga emas yang tersilap masuk ke saluran tersebut tercelup jari beliau.

Kerani saluran 7 SAMT Sultan Hisamuddin dan saluran 5 SRA Sungai Kandis mulakan pengiraan undi tanpa mengira jumlah kertas undi dalam peti undi. KTM juga tidak perasan kesilapan tersebut sehingga diingatkan oleh pegawai SPR.

#### **Cadangan Penambahbaikan:**

- **Polis yang menjaga saluran mengundi tidak patut dibenarkan untuk membuat sebarang catatan samada bilangan atau kaum tentang pengundi-pengundi yang datang ke saluran mengundi.**

## **7. PENJUMLAHAN UNDI**

Kaedah pegawai pengurus mengumumkan keputusan dengan membaca keputusan setiap saluran adalah sangat lambat sedangkan pihak media telah dapat menjumlahkan undi dengan lebih cepat dan lebih awal daripada SPR.

#### Cadangan Penambahbaikan:

- Kami mencadangkan supaya keputusan setiap pusat mengundi dipaparkan di skrin besar dengan menunjukkan jumlah undi di setiap saluran dalam pusat mengundi tersebut untuk pemeriksaan agen-agen pengiraan undi calon-calon dan bukannya ditunjuk dan dibaca keputusan satu per satu setiap saluran.

## 8. KESIMPULAN

Secara keseluruhan, PRK Sungai Kandis dijalankan dengan lancar dengan pelbagai penambahbaikan daripada pihak SPR.

Namun demikian, masih terdapat pelbagai kesalahan pilihan raya dan penggunaan aset kerajaan untuk tujuan berkempen yang dilakukan oleh calon dan pemimpin politik secara berleluasa. Tiada tindakan yang diambil oleh pihak SPR untuk memelihara integriti pilihan raya. Kaedah membuat aduan kepada pasukan penguatkuasa kempen pilihan raya juga tidak dipromosi dengan meluas kepada orang awam.

Peratus keluar mengundi PRK Sungai Kandis kurang memuaskan dan usaha lanjut diperlukan untuk meningkatkan kesedaran pengundi supaya keluar mengundi.

Beberapa penambahbaikan yang positif telah dilakukan oleh SPR dalam pengurusan pilihan raya:

- a) Masa mengundi dipanjangkan ke jam 5.30 petang berbanding dengan 5.00 petang sebelum ini.
- b) Penambahan jumlah tempat mengundi (saluran).
- c) Penambahan petak memangkah undi ke 3 berbanding dengan 2 sebelum ini.
- d) *Buggy van* disediakan di sesetengah pusat mengundi untuk memudahkan pergerakan pengundi warga emas.
- e) Tempoh kempen pilihan raya telah dipanjangkan kepada 14 hari berbanding dengan 11 hari pada Pilihan Raya Umum ke 14.
- f) Lima buah badan-badan bukan kerajaan dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) telah diberi taraf pemerhati pilihan raya untuk kali yang pertama, pemerhati-pemerhati diberi taklimat yang amat menyeluruh dan diberi akses yang bagus dalam proses pilihan raya kecil ini.
- g) Salinan daftar pemilih telah diberikan kepada badan-badan bukan kerajaan yang menjadi pemerhati secara percuma.

BERSIH 2.0 mengalu-alukan langkah-langkah penambahbaikan yang telah dilakukan oleh SPR.

Selain daripada langkah-langkah penambahbaikan yang telah dicadangkan dalam setiap bahagian laporan ini, BERSIH 2.0 juga ingin membuat cadang-cadang tambahan seperti berikut:



- a) Membuat iklan dalam television, radio dan media sosial tentang pilihanraya untuk mempertingkatkan peratusan mengundi.
- b) Menggubal satu garispanduan liputan pilihanraya untuk media supaya akses dan liputan yang sama diberikan kepada semua calon dan parti politik yang bertanding
- c) Menggubal satu garispanduan tentang kesalahan-kesalahan penggunaan aset dan program kerajaan dalam kempen pilihan raya dan menjalankan taklimat atau latihan untuk parti-parti politik dan calon-calon sebelum pilihan raya.
- d) Memberi badan-badan bukan kerajaan yang menjadi pemerhati daftar pemilih dalam *soft copy* dan dalam format *database* yang mengandungi alamat penuh pengundi, boleh diperiksa dengan mudah dan bukan PDF.
- e) Memberi juga badan-badan bukan kerajaan yang menjadi pemerhati salinan peta sempadan kawasan pilihan raya yang jelas dalam *soft copy* secara percuma.
- f) Task force Bersama di antara SPR dan SPRM perlu ditubuhkan untuk memantau dan menerima aduan rasuah pilihanraya. Nombor aduan perlu diumumkan untuk orang ramai membuat aduan supaya tindakan segera boleh diambil.
- g) SPR perlu mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang telah melanggar undang-undang pilihan raya untuk memastikan undang-undang dan peraturan-peraturan pilihan raya diikuti oleh semua dan tidak diulang lagi pada masa depan. SPR perlu membuat laporan polis jikalau perlu untuk sesuatu kesalahan pilihanraya disiasat dan diambil tindakan undang-undang.